

Kerajaan utamakan bidang vokasional

(P) NIBONG TEBAL, Ahad — Kerajaan akan terus menyediakan segala keperluan, termasuk membina lebih banyak sekolah vokasional. **bagi** memastikan matlamat menjadikan negara ini sebuah negara perindustrian tercapai, **kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.**

Perdana Menteri berkata, kerajaan **memberi** penekanan **kepada** bidang vokasional kerana hanya menerusi bidang itu **sajalah** hasrat memajukan **negara** ini setanding dengan negara maju lain dapat dicapai.

Berucap merasmikan **Sekolah Menengah Vokasional** di

20 JULY 1990
sini, hari ini, beliau berkata, **negara** tidak boleh terus **bergantung** kepada hasil lombong dan pertanian **semata-mata** kerana ia bukan **saja** menhasilkan **pendapatan** yang **rendah**, tetapi **juga** tidak dapat menampung **pekerjaan** yang **banyak**.

“Sebagai **contoh**, sehektar **tanah** pertanian hanya boleh **memberi** pekerjaan kepada **seorang** petani, tetapi sehektar **tanah** perindustrian dapat **menampung** 500 pekerjaan,” katanya.

Menurutnya, selaras dengan matlamat **negara** **perindustrian**, negara memerlukan

lebih ramai tenaga mahir yang bukan saja boleh menggunakan **tangan**, tetapi **juga** fikiran **untuk** menghasilkan barangan, **terutama** **bagi** tujuan eksport.

Beliau berkata, kerajaan **ya-**kin dengan membuka lebih **banyak** sekolah vokasional, **tenaga** mahir yang diperlukan dapat diwujudkan manakala pelbagai teknologi canggih **dapat** diserap menerusi **pemindahan** teknologi kepada penduduk tempatan.

“Setakat **ini** pun **kita** boleh berbangga kerana barangan Malaysia bukan saja **berterbangan** mengelilingi dunia, **te-**

tapi **juga** sudah sampai di **bulan**. Mikrochip yang **kita** keluarkan di Pulau Pinang **misalnya** digunakan oleh roket dan satelit negara **maju**,” katanya.

Menurutnya, pekerja Malaysia **juga** harus dipuji kerana **bukan** saja boleh membuat kereta, tetapi sudah sampai ke **peringkat** boleh mereka sendiri model Proton Saga baru.

“Insya-Allah sekiranya tiada **ada** **apa-apa** halangan, Proton Saga Dua, iaitu model baru **hasil** keluaran tempatan dapat **di-**keluarkan dalam tempoh tiga atau empat tahun **lagi**,” katanya.